

NO. SOALAN : 53

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** YB. DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK  
MOHAMAD [ PASIR PUTEH ]

**TARIKH :** 15 MAC 2018

**SOALAN :**

**YB. Dato' Dr. Nik Mazian Bin Nik Mohamad [ Pasir Puteh ]** minta  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah  
perancangan dan sokongan Kementerian untuk memajukan industri  
batik di Malaysia.

**JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (KPK) melalui Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia) sentiasa memberi sokongan dan galakan bagi memajukan industri batik tempatan. Antara inisiatif dan usaha yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

**a) Pengenalan Standard MS 692:2007 (Batik Malaysia) kepada usahawan batik tempatan**

Ia diperkenalkan untuk memastikan produk batik tempatan mempunyai kualiti dan berupaya meningkatkan keyakinan pengguna. Standard ini dibangunkan menerusi kerjasama SIRIM dan Jabatan Standard Malaysia dengan penglibatan seramai 87 orang usahawan kraf batik dari negeri Kelantan, Terengganu, Melaka, Johor, Selangor, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak.

**b) Pengenalan Kajian Teknologi/Bahan**

**i. Sistem Rawatan Efluen Batik (SREB)**

Sistem ini diperkenal dan dibangunkan bagi merawat air kumbahan batik agar memenuhi garis panduan yang ditetapkan dalam Peraturan Kualiti Alam Sekeliling, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. SREB ini dapat membantu menjimatkan masa, kos serta ruang kerja bagi penghasilan

produk batik. Ianya telah digunakan oleh usahawan kraf batik di negeri Kelantan, Terengganu, Selangor, Sabah dan Langkawi.

## **ii. Penambahbaikan Mesin Silikat**

Ia diperkenalkan bagi mempercepat proses pembuatan produk batik untuk kegunaan yang lebih efektif bagi menjimatkan kos dan masa bagi penghasilan produk batik. Ianya telah digunakan oleh usahawan kraf batik di negeri Selangor dan para pelajar di Institut Kraf Negara (IKN).

## **c) Pengenalan Konsep dan Rekaan Baru**

Konsep dan rekaan baru bagi produk kraf batik telah diperkenalkan bagi menghasilkan produk kontemporari serta bersesuaian dengan citarasa pasaran semasa menerusi konsep *Pop Art*, *Futuristic*, *Native Art*, Teknik Shibori dan Batik Blok Tiga Lapis (Madu Tiga). Konsep dan rekaan ini diolah menjadi produk siap secara berinovasi yang mempunyai nilai tambah (*value added*) seperti skaf, beg tangan, kain pareo, selendang wanita, kasut, alas meja, cadar dan sarung bantal serta pakaian bagi lelaki, wanita, dan kanak-kanak.

## **d) Program Pemasaran Kraf**

Pengkomersilan produk batik melalui Program Pemasaran Kraf telah dilaksanakan iaitu aktiviti promosi di peringkat domestik dan antarabangsa yang melibatkan usahawan kraf batik di seluruh Malaysia. Pada tahun 2017, sebanyak 58 aktiviti promosi telah

dilaksanakan dengan nilai jualan batik sebanyak RM8,919,210.67 melalui penyertaan usahawan seramai 506 orang.

Bagi pembangunan dan kelestarian industri batik tempatan di Malaysia, pada masa hadapan program dan aktiviti seperti berikut akan dilaksanakan:

**a) Pengkomersilan Produk**

Pengkomersilan produk batik akan dilaksana dan diperkuuhkan menerusi aktiviti kebolehcapaian pasaran menerusi pengenalan *outlet* fizikal dan *online* atau *virtual* bagi memasarkan produk batik tempatan secara menyeluruh; pembangunan rekaan produk iaitu melalui penggunaan perisian terkini dan simulasi produk bagi penghasilan produk batik yang berkualiti; pemerksaan usahawan melalui kursus/latihan kemahiran teknikal bidang batik, penggunaan aplikasi teknologi pintar dan pembangunan usahawan muda yang disokong oleh kemudahan fasiliti fizikal dan maya; serta Komunikasi Pasaran Bersepadu merangkumi pengiklanan digital, promosi dan publisiti media.

**b) Galakan Pemakaian Batik Malaysia**

Pemakaian batik Malaysia akan dipergiatkan secara menyeluruh kepada pegawai/kakitangan Kerajaan dan sektor swasta. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2008 : Pemakaian Batik Malaysia Oleh Pegawai Awam Pada Hari Khamis menjadi satu panduan utama untuk memperluaskan penggunaan batik Malaysia secara berterusan.

115

c) **Promosi dan Publisiti Standard MS 692:2007 (Batik Malaysia)**

Aktiviti promosi dan publisiti bagi standard batik Malaysia akan dilaksanakan bagi penggunaan keseluruhan usahawan di Malaysia untuk meningkatkan kesedaran mengenai penggunaan standard ini. Kempen dan hebahan di media sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *Instagram*, *WhatsApp* dan sebagainya akan terus diperhebatkan.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN ( 54 )****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 15 MAC 2018  
[ KHAMIS ]

DARIPADA : YB DATO' DR. HAJI NOOR AZMI BIN GHAZALI  
[BAGAN SERAI]

SOALAN :

**YB DATO' DR. HAJI NOOR AZMI BIN GHAZALI [BAGAN SERAI]** minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah tindakan Kerajaan bagi memastikan pertumbuhan dapat dimanfaatkan seluas mungkin kesemua wilayah serta peringkat masyarakat serta sektor dalam erti kata pertumbuhan yang inklusif 'people centric' untuk meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat.

137

## JAWAPAN:-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Kerajaan telah menggunakan pendekatan pembangunan inklusif yang berteraskan rakyat supaya pembangunan negara dapat dinikmati oleh segenap lapisan rakyat, tanpa mengira kaum, status sosio-ekonomi, jantina dan kedudukan geografi. Dalam usaha memastikan pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan mapan, tumpuan turut diberikan bagi memastikan manfaat pembangunan negara terus diperluas, termasuk ke pedalaman dan kawasan terpencil, demi memastikan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat terus terpelihara.

RMKe-11 telah menggariskan lima strategi utama bagi mendokong aspirasi pembangunan inklusif. Ini melibatkan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan pendapatan dan kesejahteraan rakyat khususnya isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40); memperkuuh sokongan kepada kumpulan komuniti seperti wanita, warga emas dan orang kurang upaya; mentransformasi pembangunan luar bandar; merancakkan pembangunan

di koridor ekonomi wilayah; dan memperkuuh Komuniti Ekonomi Bumiputera.

Dari segi pembangunan fizikal, bagi memastikan pertumbuhan dapat dimanfaatkan oleh semua rakyat di seluruh negara, antara bukti nyata keprihatinan dan kebertanggungjawaban Kerajaan adalah inisiatif pembinaan *East Coast Rail Line (ECRL)*, *Kuala Lumpur-Singapore High Speed Rail (HSR)*, *Malaysia-Singapore Rapid Transit System (RTS)* dan Lebuhraya Pan-Borneo. Ini dijangka akan meningkatkan keterhubungan dan mobiliti dalam kalangan rakyat, merancakkan pertumbuhan ekonomi termasuk dengan kewujudan kawasan pertumbuhan baru, menyediakan perkhidmatan agensi kerajaan, mewujudkan pelbagai peluang perniagaan dan pekerjaan, serta meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat.

Langkah-langkah khusus yang lain termasuk program peningkatan pendapatan dan pembasmian kemiskinan, program peningkatan pendidikan dan latihan kemahiran, program keusahawanan (termasuk keusahawanan sosial dan berdasarkan komuniti), program pembangunan kerjaya profesional dan sokongan pekerjaan, program pemilikan aset dan

ekuiti korporat, penyediaan infrastruktur asas dan sistem perlindungan sosial.

Kesemua tindakan secara inklusif yang dinyatakan ini akan dapat meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat secara berterusan.

Sekian. Terima kasih.

Mac 2018